

Headline	Dutch Lady Melakarkan Nama di Malaysia Book of Records	Language	Malay
Date	06 Jul 2010	Page No	128
MediaTitle	Mami Baby	Article Size	188 cm²
Section	NEWS	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,658
Frequency	Monthly	PRValue	4,974
Circ / Read	40,000 /		



Dutch Lady Melakarkan Nama di Malaysia Book of Records

Hari Susu Sedunia yang dianjurkan oleh Dutch Lady telah melakar nama dalam Malaysia Book of Records sebagai Acara Minuman Susu Terbesar Sedunia. Warga Malaysia dari semua kumpulan umur dan pelbagai jenis bangsa telah menghadirkan diri di Pavillion Kuala Lumpur dan berkumpul untuk menyambut kebaikan susu. Untuk merasmikan bilangan Malaysia Book of Records, para peserta telah menantikan saat perasmian Hari Susu Sedunia tersebut tepat pada jam 11 pagi kemudian diiringi dengan sorakan yang kuat yang menandakan bahawa percubaan mencapai rekod tersebut telah pun secara rasminya dicapai.

Menurut Mr Bas van den Berg, Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, "Hari Susu Sedunia merupakan salah satu cara untuk kami mencapai dan berhubung dengan para pengguna dalam cara yang menarik dan sihat. Kami sedang cuba untuk memberikan kesan dan menolong meningkatkan tahap kesedaran terhadap kebaikan susu dengan menganjurkan sambutan ini di seluruh dunia supaya warga Malaysia boleh menyedarinya."

Bersempena sambutan tersebut, Dutch Lady Malaysia telah memberikan lebih daripada 250,000 kotak susu yang direka khas dalam dua perisa - Susu Rendah Lemak dan Susu Coklat ke seluruh negara secara percuma. Para pengunjung yang telah datang untuk meraikan sambutan tersebut telah dihiburkan oleh pelbagai permainan dan aktiviti yang menarik yang telah disediakan. Mereka juga berpeluang bertemu selebriti tempatan seperti Amber Chia, Sasha Bashir, Reshmonu, Najwa, Shahrizan Borhan dan Alif Satar yang telah membuat penampilan istimewa untuk menghiburkan para pengunjung yang datang ke upacara tersebut. Sambutan tersebut kemudian diteruskan dengan penjualan produk Dutch Lady yang akan didermakan kepada Yayasan Nur Salam untuk menolong pembiayaan pembedahan dalam program sukarelawan mereka.

Headline	Dutch Lady Melakarkan Nama di Malaysia Book of Records	Language	Malay
Date	06 Jul 2010	Page No	128
MediaTitle	Mami Baby	Article Size	188 cm²
Section	NEWS	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,658
Frequency	Monthly	PRValue	4,974
Circ / Read	40,000 /		

